

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI PERASMIAN MESYUARAT AGUNG BADAN AMAL
KEBAJIKAN ISTERI-ISTERI DAN
AHLI DEWAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN (BIDARA)
DI ISTANA TETAMU MENTALON
PADA HARI SABTU, 11 APRIL 1998
PUKUL 9.45 PAGI

Terlebih dahulu saya ucapkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama hadir di dalam majlis yang mulia ini. Sayajuga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Badan Amal Kebajikan Isteri-Isteri dan Ahli Dewan Negeri Kedah Darul Aman (BIDARA) kerana telah sudi menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agungnya yang ke-12.

2. Saya ucapkan tahniah kepada BIDARA kerana bergiat maju dalam usaha mempertingkatkan kegiatan aktiviti untuk kebaikan ahli-ahli. Ini adalah usaha yang selalu saya galakkan kerana dalam organisasi seperti inilah terdapat peluang-peluang untuk memperbaiki, menambah dan menukar pengetahuan dan pengalaman. Sebagai suatu badan yang terdiri daripada isteri pemimpin-pemimpin negeri dan pemimpin-pemimpin wanita sendiri. perjumpaan dalam mesyuarat, ceramah, sukan atau kegiatan-kegiatan lain dalam BIDARA tentu sekali akan membawa ahli-ahli bersama dan dengan itu mengeratkan silaturrahim antara ahli-ahli. Perjumpaan yang membina ini akan mengukuhkan BIDARA dan memudahkan lagi rancangan-rancangan baru untuk diperkenalkan kepada ahli-ahli.

3. Selain daripada ahli-ahli dikehendaki menyokong dan bekerjasama penuh dengan BIDARA sendiri, sebagai rakyat negara yang taat setia, harus juga ahli-ahli memberi sokongan penuh kepada usaha-usaha Kerajaan dalam menangani masalah-masalah yang berlaku dan bekerjasama dengan seberapa boleh.

4. Pada hari ini juga Tabling Ekonomi Wanita Kedah akan dilancarkan oleh BIDARA di mana wanita-wanita di Negeri Kedah akan berpeluang untuk menambahkan tabungan mereka dan ianya akan dilaburkan di dalam satu instrumen pelaburan yang selamat dan stabil iaitu dalam Tabung Amanah Saham Kedah (ASK) yang mana saya sendiri juga telah menjadi ahli semenjak ia mula dilancarkan.

5. Inisiatif yang diambil oleh BIDARA dengan mengujudkan Tabung ini dalam membantu menangani kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang adalah satu langkah bijak dan harus dipuji. Tabung Ekonomi Wanita Kedah ini haruslah dianggap sebagai usaha bersama dalam mempertingkatkan tabungan negara di samping memberi faedah kepada penabung, bukan bagi jangka pendek tetapi untuk masa hadapan.

6. Kita harus maklum bahawa kemajuan ekonomi kita adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kadar pertumbuhan modal yang tinggi dan ianya bergantung kepada kadar tabungan. Walau hanya RM 10.00 yang kita tabungkan di dalam instrumen yang boleh berkembang, ianya telah sekurang-kurangnya membantu mempertingkatkan kadar tabungan negara. Hasil daripada peningkatan ini, ianya bukan sahajadapat membantu membangunkan ekonomi negara, tetapi juga akan meningkatkan kualiti hidup dan menjamin masa depan yang sempurna dan sejahtera.

7. Pengorbanan daripada semua pihak dalam membantu Kerajaan mengatasi masalah kegawatan ekonomi dan kejatuhan nilai ringgit boleh dilakukan melalui sikap berjimat cermat. Penjimatan boleh dilakukan hasil pengemblingan daripada semua pihak samada secara individu, berkumpulan ataupun melalui kerjasama syarikat-syarikat yang ada di negara ini. Saya percaya, ramai antara kaum wanita yang tidak atau kurang memahami akan masalah kegawatan ekonomi sekarang, terutamanya bagi surirumah adalah akibat daripada kurangnya pendedahan kepada perubahan persekitaran. Walau bagaimanapun, mereka mula merasainya apabila harga barang keperluan mula meningkat.

8. Golongan surirumah boleh diibaratkan sebagai menteri kewangan dalam sesebuah keluarga. Biasanya merekalah yang bertanggungjawab dalam urusan perbelanjaanharian dan

biasanya peka terhadap perubahan harga barangan runcit. Oleh itu mereka perlu bijak merancang perbelanjaan keluarga pada tahap yang wajar. Bila perbelanjaan harian dapat dijimatkan, maka tentunya mereka akan mempunyai lebihan. Lebihan wang yang ada perlu ditabung walaupun sedikit jumlahnya, ibarat kata pepatah 'sikit-sikit lama-lama jadi bukit'. Yang menjadi masalah ialah apabila perancangan perbelanjaan tidak dapat dibuat dengan betul. Ini akan menyebabkan perbelanjaan melebihi pendapatan dan mereka akan terdorong kepada tabiat berhutang. Akhirnya ia akan menjadi satu masalah ekonomi rumahtangga.

9. Bagi golongan wanita yang bekerja dengan pendapatan tetap, sekurang-kurangnya mereka mempunyai tabungan wajib iaitu caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan simpanan tersebut dilaburkan. Justeru itu mereka memperolehi keuntungan dalam bentuk dividen hasil daripada simpanan tersebut. Bagi surirumah sepenuh masa atau mereka yang bekerja sebagai petard dan mereka yang mengusahakan pemiagaan secara kecil-kecilan, mereka masih boleh menabung untuk mendapat keuntungan. Kita seharusnya tidak memikirkan untuk melabur di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur sahajakerana ini memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Risikonya juga adalah tinggi. Ada banyak lagi bentuk pelaburan yang lebih selamat dengan kadar risiko yang rendah seperti simpanan di institusi kewangan, saham amanah dan Tabung Haji.

10. Wanita harus melihat pelancaran Tabung Ekonomi Wanita Kedah sebagai satu perkara yang positif kerana apa yang dilakukan bukanlah meminta derma daripada wanita, sebaliknya wanita akan menerima pulangan daripada pelaburan yang dilakukan. Tabung Ekonomi Wanita Kedah adalah satu langkah terbaik demi kemajuan ekonomi wanita kerana pelaburan yang dibuat di dalam Amanah Saham Kedah akan memberi peluang kepada wanita Kedah khasnya untuk melibatkan diri dengan lebih aktif dalam aktiviti tabungan serta di dalam pelaburan saham amnya.

11. Saya percaya wanita negeri Kedah akan membuktikan keupayaan mereka melakukan sesuatu yang bermakna dan berguna kepada negara apabila diperlukan. Sebahagian besar masalah kegawatan ekonomi yang kita hadapi hari ini sebenarnya boleh diringankan sekiranya kaum wanita terlibat secara langsung. Pelbagai program penjimatan tidak akan membawa erti

sekiranya kaum wanita tidak turut komited. Justeru itu saya berharap agar seluruh wanita di Kedah samada individu, pertubuhan-pertubuhan wanita atau melalui koperasi wanita terus menabung. Usaha ini juga akan dapat menjanakan pemikiran dan komitmen untuk melaksanakan perkara yang lebih besar lagi agar masalah negara dapat diatasi secepat mungkin.

12. Sekali lagi saya berasa bangga dengan usaha BIDARA dalam melaksanakan Tabung Ekonomi Wanita Kedah dan saya berdoa semoga segala usaha yang dicurahkan akan diberkati Allah S.W.T dan mencapai matlamat perlaksanaannya. Saya juga mengucapkan syabas kepada semua pergerakan dan perkumpulan wanita dan individu yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam meningkatkan tabungan masing-masing.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung BIDARA kali ke-12 dan seterusnya melancarkan Tabung Ekonomi Wanita Kedah.
